

**PERJANJIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA:
KESAN KE ATAS STRUKTUR TARIF DAN IMBANGAN
PEMBAYARAN MALAYSIA
TAHUN 1990-1995**

Md. Zyadi Md. Tahir

PENDAHULUAN

Kepentingan perdagangan antarabangsa untuk meningkatkan kekayaan sesebuah negara dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk negara itu tidak dapat dinafikan. Menyedari kepentingan itu, Adam Smith (1776) dan David Ricardo (1817) telah lama mencadangkan supaya perdagangan antarabangsa dijalankan dengan bebas, iaitu tanpa sekatan tarif dan peraturan-peraturan bukan tarif. GATT pula yang ditubuhkan pada tahun 1947 juga inginkan suasana perdagangan antarabangsa yang lebih liberal diwujudkan iaitu dengan mengurangkan tarif dan sekatan bukan tarif di samping menghapuskan diskriminasi dalam perdagangan dunia. Hingga tahun 1995 telah diadakan dan persetujuan telah pun dicapai. Namun begitu, negara-negara ahli termasuk Malaysia masih mengamalkan sekatan ke atas perdagangan antarabangsa. Ini kerana perdagangan bebas dalam dunia sebenar tidak selalunya memberi keuntungan kepada sesebuah negara, malah boleh menyebabkan kemerosotan dan ketidakstabilan ekonomi dalam negara. Di samping itu, tarif dan sekatan bukan tarif diamalkan bukan sahaja bertujuan menyekat import tetapi juga berperanan mengatasi masalah deflasi dan pengangguran, menggalakkan perkembangan industri muda, mempelbagaikan ekonomi, menghindarkan kemerosotan industri tertentu yang strategik, menghindarkan perlambakan, memperbaiki imbalan pembayaran dan mendapatkan hasil atau pendapatan kerajaan.

Malaysia yang telah lama menjadi ahli GATT masih lagi mengamalkan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif. Ini kerana Malaysia, sebagai sebuah negara membangun, dijangka tidak menikmati faedah dengan cepat dan sepenuhnya daripada hasil dan

penyelesaian-penyelesaian Pusingan Uruguay dan pusingan-pusingan sebelumnya yang dianjurkan oleh GATT. Malah dalam jangka pendek, pelaksanaan pusingan Uruguay memburukkan lagi keadaan akaun semasa imbalan pembayaran. Walau bagaimanapun memandangkan Malaysia terlibat secara langsung dan aktif dalam semua siri rundingan Pusingan Uruguay, di samping menyedari kedudukannya sebagai negara perdagangan yang kecil, maka Malaysia telah mengambil satu pendirian yang realistik, iaitu akan melaksanakan persetujuan Pusingan Uruguay demi kepentingan sistem perdagangan dunia dan mengharapkan hasil Pusingan Uruguay itu seimbang dan bermakna kepada semua negara. Di samping itu, pendirian Malaysia ini secara tidak langsung dapat memenuhi secara serentak persetujuan perjanjian AFTA (kawasan perdagangan bebas ASEAN) yang juga ingin mengurangkan secara berperingkat dan seterusnya menghapuskan tarif antara 0 hingga 5% menjelang 1 Januari 2008. Formula pengurangan dan penghapusan tarif di bawah perjanjian AFTA ini didasarkan pada Skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT).

Berdasarkan senario di atas, tujuan kertas kerja ini ialah melihat kesan pelaksanaan perjanjian Pusingan Uruguay dan perjanjian AFTA ke atas perubahan dan penurunan kadar tarif sektor barangan/keluaran dan kesannya ke atas imbalan pembayaran Malaysia. Di akhir kertas ini, dicadangkan beberapa implikasi dasar dalam menangani imbalan pembayaran.

KESAN KE ATAS STRUKTUR TARIF IMPORT TAHUN 1990-1995

Berdasarkan Akta Kastam 1967, kadar tarif umumnya ialah antara 5% hingga 70%. Barang yang dikenakan tarif dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu barang pelaburan, barang perantaraan dan barang pengguna. Kadar tarif barang-barang ini sering diubah berdasarkan matlamat dasar fizikal kerajaan di samping menunaikan persetujuan rundingan Pusingan Uruguay dan perjanjian AFTA. Struktur tarif pada tempoh 1990-1995 diringkaskan dalam *Jadual 1*.

Jadual 1
Struktur Duti Import Malaysia 1991-1995 (%)

Kadar Duti	1991	1992	1993	1994	1995
Barang Pelaburan					
Jentera	5-55	5-54	0-30	0-30	0-25
Alat pengangkutan	5-40	5-50	5-30	5-35	0-20
Motokar (syarikat)	5-55	5-60	5-60	5-42	5-42
Keluaran logam	2-30	2-30	0-25	0-25	0-20
Mesin dan alat kelengkapan	5-50	5-30	5-30	9-31	0-20
Barang Perantaraan					
Barang kimia	2-30	2-30	2-30	2-30	0-20
Barang getah	0-30	2-30	2-30	7-29	0-25
Barang kaca	0-50	0-50	0-45	7-30	nil
Barang seramik	2-60	2-45	2-45	9-25	0-5
Simen	0-25	0-25	0-20	0-20	0-20
Plastik	2-55	5-55	5-55	8-25	t.d.
Baja	0-2	0-2	0-2	0-2	0-2
Petroleum	2-30	2-30	5-35	5-35	t.d.
Pulpa dan kertas	0-25	0-24	0-24	0-30	0-12
Barang Pengguna					
Minuman keras	5-60	5-65	5-65	5-66	t.d.
Makanan	0-5	0-5	0-5	0-10	0-2
Tembakau, cerut dan rokok	5	5	5	15	t.d.
Minyak sayuran	2-30	2-30	2-30	0-5	nil
Tekstil	0-30	2-20	2-20	9-16	t.d.
Barang elektrik	0-45	0-55	0-55	0-45	0-35
Farmaseutik	0-5	0-20	0-20	0-20	7-49

Nota : Nil = Kadar Duti Import yang dihapuskan.

td = Tiada Data.

Sumber : Perintah Duti Kastam 1988 dan 1994, Belanjawan 1996.

Barang pelaburan terdiri daripada jentera, mesin, kelengkapan pengangkutan, motokar, perniagaan dan keluaran logam. Secara umum, kadar tarif barang pelaburan telah diturunkan dengan banyak, iaitu antara 5% hingga 20% pada tahun 1993. Penurunan kadar tarif ini adalah berikutan dengan dasar fiskal kerajaan yang mahu menggalakkan pembangunan industri perkilangan.

Barang perantaraan pula terdiri daripada barang untuk kegunaan perkilangan, pembinaan, pertanian dan petroleum mentah. Kadar tarif barang perantaraan ini mula diturunkan pada tahun 1994 dengan kadar 5% hingga 20%. Penurunan kadar tarif ini juga bertujuan untuk menggalakkan perkembangan industri perkilangan seperti industri elektrik dan elektronik, industri kimia, industri perabot, industri pembinaan, industri seramik dan kaca serta industri pendidikan.

Bagi barang pengguna, perubahan kadar tarif banyak dilakukan pada tahun 1994. Kadar tarif minuman keras dinaikkan kepada 5% - 66%, manakala tembakau, cerut dan rokok dinaikkan kepada 15%. Kadar tarif minyak sayuran pula diturunkan kepada 0 - 5%, manakala barang makanan dinaikkan kepada 0 - 10%, tetapi diturunkan semula kepada 0 - 2% pada tahun 1995.

Kadar tarif import kenderaan penumpang persendirian tidak dimasukkan dalam *Jadual 1*. Ini kerana kereta persendirian tertakluk kepada kadar tarif yang didasarkan kepada harga per unit. Kadar tarif kereta import ditunjukkan dalam *Jadual 2*.

Jadual 2

Kadar Duti Import Motokar Per/Unit

Nilai kereta per/unit	Kadar duti import (%)
Tidak lebih daripada RM20,000	140
RM20,000 - 25,000	160
RM25,000 - 30,000	185
RM30,000 - 35,000	210
RM35,000 - 40,000	250
Lebih daripada RM40,000	300

Sumber: Berita kod, bil 2.95, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Umumnya, kadar tarif semakin meningkat apabila nilai kereta semakin mahal. *Jadual 2* menunjukkan kadar cukai import yang bernilai tidak melebihi RM20,000 iaitu 140%, manakala kereta yang bernilai lebih RM40,000 dikenakan kadar tarif sebanyak 300%.

Kadar yang tinggi ini bertujuan untuk melindungi industri kereta nasional di samping ingin menambahkan hasil pendapatan kerajaan.

Di samping perubahan tarif import di atas, kerajaan juga menghapuskan duti import ke atas barang-barang fotograf dan telekomunikasi pada tahun 1995 dan 1996. *Jadual 3* menggambarkan senarai jenis barang yang terlibat. Penghapusan kadar tarif ini bertujuan menggalakkan pembangunan teknologi maklumat.

Jadual 3
Kadar Duti Import Ke Atas Barang-Barang
Fotografi dan Telekomunikasi [Dalam Peratus]

Jenis Barang	Duti Import 1994	Duti Import 1995/96
Telekomunikasi	25	Nil
Kamera tayangan	5	Nil
Kamera senifoto	5	Nil
Skrin tayangan	20	Nil
Mikro filem	20	Nil
Gelangsar filem	20	Nil

Nota : Nil = Kadar Cukai yang dihapuskan kepada 0%.

Sumber : Siri ucapan penting Belanjawan 1996.

Kesimpulannya, penglibatan Malaysia dalam Pusingan Uruguay dan AFTA telah menyebabkan perubahan struktur tarif. Dalam melaksanakan perjanjian AFTA, Malaysia bersetuju menawarkan sebanyak 11,746 butiran barang untuk tujuan pengurangan tarif di bawah Skim CEPT.

Dalam melaksanakan persetujuan rundingan Pusingan Uruguay pula, Malaysia pada tahun 1992 telah menawarkan pengurangan dan penghapusan tarif ke atas 7,197 butiran,

termasuk 5,900 barang industri dan 1297 barang pertanian. Jumlah ini merupakan perubahan daripada 1% sebelum Pusingan Uruguay kepada 65%. Dari segi nilai, perubahan ini merupakan 79% daripada jumlah import atau RM 80.1 bilion nilai import. Dari segi wajaran perdagangan antarabangsa tindakan Malaysia ini telah menurunkan tarif barang industri daripada 10.2 peratus sebelum Pusingan Uruguay kepada 8.9% selepas Pusingan Uruguay. Angka ini lebih rendah daripada negara maju lain.

Hasil daripada tawaran di atas, Malaysia telah memperolehi 45% pemotongan tarif dalam pasaran eksport komoditi utama di negara-negara pengimport utama, seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pemotongan ini telah meningkatkan jumlah eksport Malaysia kepada RM34 bilion. Penurunan kadar tarif oleh negara pengimport dirumuskan dalam *Jadual 4*. Jepun telah mengurangkan tarif sebanyak 38%, diikuti New Zealand (68%), Korea (57%) dan U.S.A (53%).

Bagi memperlihatkan komitmen terhadap persetujuan Pusingan Uruguay, Malaysia dalam Belanjawan 1996, telah mengumumkan 761 jenis barang yang akan diturunkan kadar tarif di bawah syarat Perdagangan Multinasional. Cadangan pengurangan kadar tarif ditunjukkan dalam *Jadual 5*. Secara umum, kadar pengurangan ialah 5% seperti barang elektronik daripada 45% kepada 40%.

Jadual 4
Kadar Tarif bagi Keluaran Eksport Malaysia

Negara	Pra-pusingan Uruguay (RM)	Pasca Pusingan Uruguay (RM)	Pemotongan (%)
Amerika Syarikat	6.00	2.80	53.00
EU	5.40	3.50	35.00
Jepun	1.63	0.25	83.60
Kanada	7.90	4.07	48.50
Australia	14.02	7.90	43.10
New Zealand	36-03	11.53	68.00
Korea	12.60	5.40	57.00
Sweden	6.00	4.61	23.00
Switzerland	2.38	1.52	36.00
Brazil	51.20	25.00	51.20
Chile	35.00	25.00	28.60
Thailand	28.40	24.10	15.10

Sumber : Laporan Tahunan MITI 1993.

Jadual 5
Cadangan Pengurangan Duti Import di Bawah Komitmen Pusingan Uruguay

Jenis Barang	Kadar Duti Semasa	Kadar Cadangan	Pemotongan Tarif
Nenas	RM950.00/tan	RM900.00/tan	RM50.00/tan
Strawberi	RM920.00/tan	RM865.00/tan	RM55.00/tan
Raspberi	RM160.00/tan	RM1070.00/tan	RM90.00/tan
Buahan Sitrus	RM810.00/tan	RM793.00/tan	RM17.00/tan
Pear	RM810.00/tan	RM793.00/tan	RM17.00/tan
Aprikot	RM810.00/tan	RM793.00/tan	RM17.00/tan
Damar Minyak	20%	15%	5%
Motor Elektrik	45%	40%	5%
Perakam Bunyi	25%	20%	5%
Alat Radar	25%	20%	5%
Pemancar Televisyen	45%	40%	5%
Gentian Optik	45%	40%	5%
Binokular	25%	20%	5%
Imej Projektor	25%	20%	5%

KESAN KE ATAS IMBANGAN PEMBAYARAN, 1990-1995

Kesan kedua dan yang terpenting akibat pelaksanaan persetujuan perjanjian perdagangan seperti rundingan Pusingan Uruguay ialah kemerosotan keadaan akaun semasa imbalan pembayaran. Ini kerana Malaysia terpaksa membuat konsesi yang lebih bermakna dalam menggalakkan pembukaan pasaran. Keadaan akaun semasa yang sentiasa defisit dapat dianalisis daripada *Jadual 6*. Defisit yang sangat tinggi pada tahun 1995, iaitu RM18.1 bilion dikatakan sebagai satu kesan jangka pendek akibat pengimportan barang pelaburan yang banyak untuk memperkembangkan keupayaan pengeluaran dan meningkatkan potensi pengeluaran ekonomi negara. Pengimportan barang pelaburan telah menjejaskan imbalan akaun dagangan daripada keadaan lebih sebelum tahun 1995 menjadi defisit RM495 juta

pada tahun 1995. Keadaan defisit inilah yang membesarkan lagi defisit akaun semasa. Sebelum tahun 1995, lebih akaun dagangan berjaya mengurangkan masalah defisit akaun semasa yang disebabkan oleh defisit akaun perkhidmatan. Oleh itu, beberapa tindakan perlulah diambil untuk mengembalikan keadaan akaun dagangan supaya menjadi lebihan, dan defisit akaun perkhidmatan perlu dikecilkan supaya akaun semasa imbalan pembayaran berubah kepada keadaan yang lebih baik.

Jadual 6
Akaun Semasa Imbalan Pembayaran (RM Juta)

BUTIRAN	TAHUN						
	1990	1991	1992	1993	1994	1995 ¹	1996 ²
Imbalan akaun dagangan	7093	1449	8609	8231	4561	-495	1265
Eksport f.o.b.	77458	92220	100910	118383	148506	180889	214262
Import f.o.b.	70365	90771	92301	110152	143945	181384	212897
Imbalan akaun perkhidmatan	-9723	-13195	-14568	-16001	-15873	-18040	-18822
Tambang dan Insurans	-3837	-4847	-4265	-4890	-7367	-8532	-9239
Pengangkutan lain	-25	-10	-355	-226	474	531	888
Perjalanan	632	547	657	906	4300	5593	6467
Pendapatan pelaburan	-5072	-6735	-7920	-8174	-9386	-11126	-12505
Urusniaga kerajaan	-3	-55	-54	-72	-36	-1	-3
Perkhidmatan lain	-1418	2895	3739	3545	-3858	4365	-4438
Imbalan akaun dagangan perkhidmatan	-2630	-11746	-5959	-7770	-11312	-18536	-17457
Bayaran pindahan	147	102	337	384	314	395	400
Imbalan akaun semasa	-2483	-11644	-5622	-7385	-10996	-18140	-17057

Nota : 1 - Anggaran oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

2 - Unjuran oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Sumber : Laporan Ekonomi 1995/1996.

Jika diteliti *Jadual 7* pula, didapati bahawa struktur import Malaysia masih tertumpu kepada barang pelaburan, terutama jentera dan alat pengangkutan. Dalam tempoh masa 1990-1995, purata tahunan import barang pelaburan ini ialah 68.3%, keadaan importnya terus meningkat daripada 64.4% (RM39,741 juta) pada tahun 1990 kepada 72.6%

(RM64,897 juta) pada Julai tahun 1995. Oleh itu, tindakan kerajaan menceburi industri berat patut disokong supaya import yang ada dapat diperbaiki.

Jadual 7
Import Utama Malaysia Mengikut Sumber (RM Juta)

Import	1990	1991	1992	1993	1994	1995¹
Jentera dan alat pengangkutan	39741 [64.4]	54165 [66.7]	55711 [66.6]	65323 [68.1]	93047 [71.1]	64897 [72.6]
Barangan keluaran kilang	16996 [27.5]	21574 [26.6]	22139 [26.5]	24252 [25.6]	30108 [23.0]	20005 [25.4]
Petroleum mentah	413 [0.6]	352 [0.4]	323 [0.4]	445 [0.5]	461 [0.3]	224 [0.2]
Makanan	4583 [7.42]	5139 [6.3]	5470 [6.5]	5816 [6.0]	6667 [5.0]	4246 [4.8]
Jumlah Import	61733	81230	83643	95836	130283	89372

Nota : Angka dalam [] adalah peratus import barang daripada jumlah import.

1 - data dari Januari hingga Julai.

Sumber : Disesuaikan daripada Laporan Ekonomi 1995/1996.

Barang import yang kedua terbanyak ialah barang keluaran kilang. Dalam tempoh masa 1990-1995, purata tahunan import ini ialah 25.3% (RM16,999 juta) pada tahun 1990 kepada 23.4% (RM20,005 juta) pada Julai tahun 1995. Arah aliran ini disebabkan banyaknya barang perkilangan tempatan yang digunakan dalam negeri, di samping dieksport untuk meningkatkan nilai eksport bersih Malaysia.

Sebenarnya strategi menggalakkan eksport barang tempatan di samping mengurangkan import melalui penggunaan keluaran tempatan merupakan strategi yang diperlukan untuk memperbaiki keadaan imbalan akaun semasa yang wujud sekarang ini.

Import bahan makanan turut meningkat dari segi jumlah, tetapi merosot dari segi peratus. Nilai importnya ialah RM4583 (7.42%) pada tahun 1990, dan RM6,667 juta (5.0%)

pada tahun 1993. Pengimportan bahan makanan dengan tarif rendah atau kosong adalah perlu untuk mengatasi inflasi barang makanan.

Kerajaan juga perlu mengambil tindakan tertentu untuk memperbaiki imbangan akaun perkhidmatan yang sentiasa defisit. Penyebab utama defisit akaun perkhidmatan ialah bayaran pendapatan pelaburan dan diikuti oleh bayaran tambang dan insurans dan yang ketiga ialah bayaran perkhidmatan lain. Bayaran pendapatan pelaburan agak sukar dikurangkan kerana jumlah pelaburan asing bukan sahaja telah banyak, malah kerajaan masih lagi berusaha menarik pelabur asing, terutama yang berteknologi tinggi. Di samping itu, jumlah pelaburan tempatan keluar negeri masih tidak berupaya mengurangkan kesan arah aliran kemasukan Pelaburan Langsung Asing.

Usaha kerajaan yang patut digalakkan ialah menangani masalah defisit bayaran insurans dan tambang. Pembelian kapal terbang MAS dan kapal laut MISC yang menyebabkan defisit akaun dagangan, serta penggalakan penggunaan insurans tempatan dalam aktiviti urusniaga antarabangsa diharapkan dapat menangani dan seterusnya membaiki kemerosotan akaun semasa imbangan pembayaran.

Dalam senarai bayaran perkhidmatan lain, didapati bayaran perkhidmatan kontrak dan profesional turut mengalami defisit yang semakin meningkat, iaitu daripada RM997 juta (9.6% daripada defisit akaun perkhidmatan) pada tahun 1985 kepada RM2,254 juta (14.2%) pada tahun 1993. Perincian arah aliran imbangan perkhidmatan kontrak dan profesional boleh dianalisis dari *Jadual 8*.

Defisit ini dijangka terus meningkat memandangkan Malaysia masih lagi bergantung kuat terhadap perkhidmatan ini dalam usaha memajukan negara. Walau bagaimanapun, usaha kerajaan yang ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan di rantau ini diharapkan dapat mengurangkan masalah ini pada jangka panjang.

Jadual 8
Perkhidmatan Kontrak dan Profesional (RM Juta)

Tahun	Terimaan	Bayaran	Imbangan	% defisit akaun perkhidmatan
1985	778	1,775	-997	9.6
1986	529	1,428	-899	10.2
1987	625	988	-363	4.3
1988	680	1,195	-515	5.1
1989	1,209	1,400	-191	1.7
1990	1,748	2,150	-402	4.1
1991	1,948	3,300	-1,352	10.2
1992	2,127	3,517	-1,390	9.5
1993	2,160	4,485	-2,325	14.5
1994	2,393	4,647	-2,254	14.2

Sumber : Laporan Ekonomi 1995/96.

PENUTUP: IMPLIKASI DASAR

Penurunan dan penghapusan kadar tarif import sebagai melaksanakan komitmen terhadap perjanjian-perjanjian perdagangan perlu dilakukan walaupun kesannya boleh merosotkan imbangan akaun semasa Malaysia, terutama dalam jangka masa pendek. Pelaksanaan ini dirasakan perlu kerana Malaysia turut mendapat faedah dari segi pengeksportan barang Malaysia ke negara-negara maju. Ini bererti, dari segi imbangan akaun perdagangan, Malaysia tidak perlu bimbang tentang penurunan dan penghapusan kadar tarif.

Kemerosotan akaun semasa imbangan pembayaran sebenarnya pembayaran berpunca daripada kemerosotan akaun perkhidmatan yang sentiasa defisit sejak sebelum tahun 1990-an lagi. Oleh itu langkah-langkah memulihkan akaun ini diperlukan. Antaranya ialah:

- i. Menggalakkan sektor pelancongan dalam negeri. Galakan ini bukan sahaja ditujukan kepada pelancong luar tetapi juga pelancong tempatan supaya

melakukan pelancongan dalam negeri. Kejayaan langkah ini akan menambah pendapatan dari luar dan menyekat aliran keluar wang Malaysia. Galakan yang sedia ada perlu diteruskan seperti galakan menyediakan kemudahan penginapan dan mengadakan tempat pelancongan yang menarik.

- ii. Meningkatkan penggunaan pelabuhan dan perkapalan negara. Galakan ini perlu disertai dengan peningkatan kemudahan, keupayaan dan kecekapan perkhidmatan di semua pelabuhan Malaysia.
- iii. Menggalakkan Perkhidmatan Premium Penginsurans semula. Galakan ini dan galakan (ii) di atas perlu untuk mengurangkan defisit bayaran tambang dan insurans. Penubuhan syarikat atau konsortium seperti Malaysia Re-International Insurance (Labuan) Limited perlu untuk menyekat pengaliran keluar wang Malaysia oleh syarikat tempatan yang menggunakan perkhidmatan insurans asing.
- iv. Menggalakkan sektor eksport perkhidmatan. Galakan ini memanglah wajar. Langkah kerajaan menubuhkan “Eksport-Import Bank of Malaysia berhad” [EXIM Bank] akan dapat mengalihkan penggunaan perkhidmatan kewangan dan pembiayaan pelaburan dari sektor asing ke sektor dalam negeri. Di samping itu, galakan potongan cukai dua kali untuk mempromosi eksport perkhidmatan patut diteruskan.
- v. Mempertingkatkan pembangunan teknologi maklumat dan membangun koridor Raya Multimedia di dalam negeri. Usaha ini dapat menyelamatkan bayaran penggunaan perkhidmatan tersebut di luar negeri. Malahan kemudahan perkhidmatan ini boleh ditawarkan kepada pengguna.

Akhir sekali, di samping langkah membaiki imbalan akaun perkhidmatan, kerajaan perlu mempertingkatkan lebih akaun dagangan melalui:

- i. Pengukuhan daya saing keluaran Malaysia di pasaran antarabangsa.

- ii. Pengurangan kepesatan import dengan menggunakan input-input tempatan dalam kegiatan pengeluaran dan menggunakan barang-barang tempatan; dan
- iii. Penggalakan industri penggantian import melalui strategi penubuhan industri kecil dan sederhana (ISK).

RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia, 1995. *Money and Banking Malaysia*. 35 th Anniversary edition 1959-1994.
_____ 1996. *Laporan Tahunan 1995*.
- Dewan Ekonomi*, Disember 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Masyarakat*, Disember 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kewangan Malaysia, 1990. *Laporan Ekonomi 1990/91*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ 1991. *Laporan Ekonomi 1991/92*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ 1992. *Laporan Ekonomi 1992/93*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ 1993. *Laporan Ekonomi 1993/94*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ 1994. *Laporan Ekonomi 1994/95*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- _____ 1995. *Laporan Ekonomi 1995/96*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Kementerian Penerangan Malaysia, 1995. *Belanjawan 1996*, Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

MITI, 1993

- Rosita Baba, Lau Wai Ngiik dan Sunita Mukhtar, 1996. *Belanjawan 1996: Suatu Penilaian Dari Aspek Mengatasi Defisit Imbangan Pembayaran*. Kertas Seminar Kursus Pembiayaan Awam II, Fakulti Ekonomi, UKM.
- Wan Matilah Wan Daud, 1996. *Perubahan Struktur Cukai Import 1990-1995 dan Implikasi Kepada Ekonomi*, Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, UKM.

Zulaidah Mohamed @ Ab. Rahman, 1996. *Perubahan Dasar Fiskal dalam Era 1990-1995*. Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, UKM.